

UCAPAN YAB DATUK HUSSEIN ONN,
TIMBALAN PERDANA MENTERI, KETIKA
MERESMIKAN MESYUARAT AGUNG BANK RAKYAT
PADA HARI SABTU, 29HB DISEMBER,
1973 DI NIRMANA BALLROOM, HOTEL
HILTON, KUALA LUMPUR JAM 9.00 PAGI

Yang Amat Berhormat Datuk Haji Harun Idris,
Yang Dipertua Bank Rakyat,

Ahli-ahli dan Pegawai-pegawai Bank Rakyat,

Tuan-tuan dan Puan-puan para perwakilan sekalian,

1. Lazimnya saat seperti ini, tentulah mempunyai erti yang besar kepada seluruh ahli Bank Rakyat, kerana pada hari ini ia mengadakan Mesyuarat Agung untuk mengkaji perjalanan Bank di masa lepas dan menetapkan haluan perjalanannya di masa akan datang. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahntah atas kemajuan Bank ini dan terimakasih kerana dapat peluang hadir bersama-sama atas jemputan Presiden Bank Rakyat, Datuk Haji Harun yang telah meminta saya memberikan sepatah dua kata dan seterusnya merasmikan Mesyuarat ini.

2. Perkembangan Bank Rakyat ini sangatlah menggalakkan, dikaji dari segi bagaimana ia telah dapat bergerak begitu cergas, dalam masa beberapa tahun ini. Pimpinan yang dinamis, semangat dedikasi dari khidmat kakitangan dan pihak pengurusan Bank dan "motivation" yang telah ditunjukkan oleh seluruh ahli merupakan sumbangan yang besar terhadap perkembangan Bank Rakyat pada masa ini. Saya sangat sukacita setelah mendengar huraian atas perjalanan Bank ini, sebagaimana yang telah diberikan oleh Datuk Harun, dan ternyata telah kepada kita bahawa Bank ini telah dapat menjalankan aktivitinya dalam beberapa lapangan sesuai dengan perkembangan dan kemajuan rakyat bumiputra di bawah Dasar Ekonomi Baru.

3. Lebih-lebih lagi, dalam usaha menuju kepada tercapainya hasrat mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputra, sebuah institusi kewangan seperti Bank Rakyat, sangatlah penting dan mustahak sekali. Dalam bentuknya yang ada sekarang, Bank Rakyat merupakan sebuah badan kewangan yang benar-benar dimiliki, dianggotai dan ditadbirkan sepenuhnya oleh golongan bumiputra. Ini membuktikan bahawa dengan adanya peluang, adanya latihan dan adanya keazaman, golongan bumiputra sanggup memasuki apa juga lapangan perniagaan asalkan ia mendapat dorongan, galakan, bimbingan dan nasihat tertentu.

4. Saya yakin dengan rancangan meluaskan aktiviti Bank ini, banyak lagi anak-anak bumiputra dapat dilatih, di bahagian pengurusan, supaya ia dapat diperkembangkan dengan lebih luas, menjalankan

aktivitinya, memberi manfaat kepada golongan yang berkehendakkan bantuan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Perkhidmatan yang diberikan oleh Bank ini adalah luas dan meliputi kehendak-kehendak masyarakat luarbandar. Bank Rakyat, sebagai sebuah badan kewangan yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman 18 tahun, bukan saja dapat memberikan bantuan kewangan, tetapi mempunyai keazaman disebabkan oleh kemampuan istimewa atau "special ability" untuk membimbing kaum bumiputra dalam usaha mereka menuju lapangan perniagaan dan perindustrian. Dalam hubungan ini, saya ingin mengesyorkan supaya Bank Rakyat menjadi pelopor kepada gerakan mengubah sikap orang-orang luarbandar dalam menggunakan kemudahan-kemudahan Bank.

Kemudahan 'credit' umpamanya, untuk tujuan menambahkan harta atau membanyakkan pendapatan, patutlah digalakkan. Demikian juga, kemudahan 'credit' untuk mewujudkan mata pencarian seperti berjaja, perusahaan kecil dan lain patut juga diberikan layanan yang bertambah-bertambah. Gerakan ini hendaklah diimbangkan dengan 'khidmat Nasihat' atau 'Advisory Service' yang benar-benar berkesan dan membantu peminjam-peminjam untuk mempunyai keyakinan kepada diri dan kebolehannya sendiri.

6. Saya tahu bahawa untuk menjalankan perkhidmatan "banking" yang benar-benar berkesan, sesebuah institusi kewangan itu patutlah bergerak atas dasar bank perdagangan. Tujuan Bank Rakyat ialah untuk menjadikannya sebuah bank perdagangan.

Perstapan-perstapan ke arah ini sudahpun siap sedia. Saya percaya dengan sokongan semua pihak, berdasarkan minat sebagaimana yang ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri ketika berucap dalam Majlis Pembukaan Bank di Temerloh baru-baru ini, harapan bahawa Bank Rakyat menjadi sebuah bank perdagangan, akan dapat dihasilkan segera. Saya juga percaya, pihak Bank Negara tentu dapat memberikan pertimbangan yang sewajarnya, berdasarkan kepada kehendak-kehendak yang bertambah daripada ahli bagi menjadikan bank ini sebuah bank perdagangan sepenuhnya dan untuk menambahkan bilangan bank kepunyaan bumiputra.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Selain daripada perkhidmatan "banking" yang diberikan oleh Bank Rakyat ini, saya amat

tertarik hati dengan sekim-sekim yang dijalankan, seperti Sekim Perumahan yang diselenggarakan oleh Rakyat Corporation, iaitu syarikat anak Bank ini.

8. Rancangan perumahan, berdasarkan kepada kepentingan ahli dan tidak mencari keuntungan yang melebihi-lebih, sangatlah sesuai dengan keadaan negara pada masa ini, yang menghadapi inflasi. Dengan ini juga, ia boleh memberi sumbangan mencegah inflasi, di samping menambahkan bilangan pemilik-pemilik rumah, dan menyediakan rumah-rumah yang sesuai untuk orang-orang yang berpendapatan rendah dan sederhana.

9. Saya percaya, Rakyat Corporation, akan dapat menambahkan Sekim perumahan ini dari masa ke masa, terutama di bandar-bandar

besar, supaya kesulitan perumahan akan dapat diatasi. Di samping menggalakkan ahli-ahli mempunyai rumah sendiri, sudah tentu pula ia dapat membantu melaksanakan dasar Kerajaan menyusun semula masyarakat, khasnya di bandar-bandar.

10. Selain daripada rancangan perumahan, terdapat pula rancangan pelbagai seperti menggalakkan gulungan bumiputra memasuki lapangan perniagaan dan perusahaan yang besar. Saya mendapat tahu, bank ini telahpun melaburkan sahamnya dalam lapangan perindustrian seperti projek membuat racun serangga, penyertaan bersama dalam Syarikat Pemasangan Jentera Pertanian, Perniagaan dan Perkilangan Padi dan Beras dan juga projek seperti hotel, pusat membeli-belah dan sebagainya.

11. Secara tidak langsung, penyertaan Bank ini adalah penyertaan ahlinya secara kolektif, dalam memiliki bidang perusahaan yang dinyatakan itu. Saya ingin menganjurkan supaya Bank ini memilih ahli-ahli yang berminat dalam perniagaan, supaya membimbing mereka mengetahui dan mempelajari aspek-aspek perniagaan yang dimasuki itu, supaya dapat memberikan mereka pengalaman, pengetahuan dan keinginan untuk berniaga. Satu usaha yang tersusun serta mempunyai program tertentu, hendaklah diadakan. Dengan cara ini, bukan saja Bank menjalankan perniagaan, tetapi turut membimbing masyarakat ke arah tujuan ingin berdagang. Saya harap syor ini dapat ditimbang.

12. Selain dari itu, saya ingin mengesyorkan supaya Bank ini berdamping rapat dengan Kementerian-

Kementerian ataupun Perbadanan Kemajuan Negeri untuk mencari peluang-peluang perdagangan. Dengan ini, modal dan kemahiran Bank dapat disalurkan kepada Perbadanan tersebut untuk meluaskan penyertaan kolektif bumiputra dalam industri.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Bank Rakyat ini, pada asalnya, merupakan Bank Kerjasama. Di atas prinsip itulah, ia telah dapat bergerak dengan lancar. Saya yakin bahawa penyelesaian kepada masalah perkembangan ekonomi golongan bumiputra hanya dapat diselesaikan menerusi cara kolektif dan bukan secara persaorangan. Ini bererti bahawa asas prinsip ini adalah berpandu kepada kekuatan bersama, kekayaan dan kemampuan bersama. Bank ini membuktikan kebenaran tersebut.

14. Kejayaan yang dihasilkan oleh Bank ini semenjak ia ditubuh, disebabkan oleh dasar yang sempurna, pimpinan yang dinamis, pentadbiran dan pengurusan yang cekap, berpandukan kepada prinsip perniagaan yang sehat. Dalam pada itu, sungguhpun Bank bertujuan mencari keuntungan, kerana tiap-tiap badan perniagaan mestilah bertujuan untuk untung, tetapi saya harap dalam konteks pembangunan, syarikat bumiputra haruslah mengiembangkan dengan kehendak-kehendak masyarakat, seperti menambahkan latihan, memberikan kemudahan bagi mendapatkan iktisas, dan juga kemudahan lain, yang boleh membantu pelaksanaan dasar kemajuan ekonomi. Tidakkah wajar bagi sesebuah pertubuhan atau institusi yang mendapat bimbingan daripada Kerajaan untuk menuju kepada keuntungan semata-mata, istimewa sekali pada peringkat perkembangan yang berjalan sekarang.

15. Saya juga berharap bahawa syarikat-syarikat di negara ini, terutama yang dapat banyak kemudahan Kerajaan, akan dapat mengtabangkan perjalanannya berdasarkan kepada prinsip ini supaya, dalam tempoh beberapa tahun akan datang, kita akan dapat menghasilkan gulungan busiputra yang terlatih, dalam beberapa lapangan perdagangan.

16. Saya juga mengetahui tentang rancangan perkembangan Bank ini untuk masa yang akan datang, khasnya dalam usaha menambahkan cawangannya. Langkah ini sangatlah baik kerana selain daripada meluaskan aktiviti, dapat pula mengumpulkan simpanan wang dan melatih orang ramai supaya berjimat dan melaburkan modal dalam lapangan yang berfaedah.

17. Satu lagi rancangan Bank Rakyat yang sangat sesuai ialah menubuhkan "Merchant banking". Selain dari berusaha menggalakkan gulungan bumiputra dalam bahagian "trading", atau import-ekspot serta "chain-stores", saya sukalah mengesyorkan supaya Bank Rakyat menumpukan perhatian untuk menjalankan urusan "portfolio management", iaitu badan yang berusaha melaburkan saham bagi pihak kumpulan atau bumiputra persendirian, supaya dengan cara ini, penyertaan kita dalam lapangan pelaburan saham dan sebagainya, dapat ditambah.

18. Kegiatan ini perlulah dikaji dan diselaraskan dengan badan-badan lain seperti Amanah Saham MARA, Tabung Haji dan gulungan bumiputra lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

19. Bilangan ahli Bank Rakyat ini, secara perseorangan, mahupun sebagai syarikat, telah bertambah. Ini membuktikan keyakinan rakyat terhadap keteguhan Bank ini. Saya menyeru supaya usaha yang lebih besar dijalankan di seluruh negara, khasnya di cawangan Bank ini, supaya ramai lagi akan menjadi ahli.

20. Demikian juga, saya sangat sukacita kerana jumlah wang simpanan tetap, dalam Bank ini, telah bertambah, menjadikan ianya satu pusat kewangan yang menampung kekayaan rakyat di bandar dan luarbandar. Demikian jugalah jumlah saham yang telah dilabutkan oleh ahli-ahli.


21. Satu lapangan lagi yang sangat kekurangan penyertaan bumiputra adalah lapangan insuran. Saya suka mengesyurkan supaya Bank Rakyat memberi perhatian kepada lapangan ini kerana insuran merupakan satu perniagaan yang sangat penting dalam perdagangan. Insuran juga merupakan satu sumber modal yang sangat besar dalam negeri ini, dan selagi kaum bumiputra tidak menyertai lapangan insuran, satu punca modal yang besar tidak akan dapat digunakan oleh kaum bumiputra. Dalam lapangan insuran ini, selain daripada insuran-insuran yang biasa dilakukan oleh syarikat-syarikat insuran yang ada pada masa ini, suka saya mengesyurkan supaya perkhidmatan insuran ini dilanjutkan sehingga ke kawasan-kawasan luar bandar untuk membolehkan penduduk-penduduk luar bandar seperti petani-petani, nelayan-nelayan dan pekebun-pekebun kecil dan sebagainya dapat menikmati perlindungan insuran-insuran seperti yang dinikmati oleh orang-orang di bandar.

Dalam perkara ini perlindungan asuransi ini bukan saja terhadap kepada nyawa dan harta-benda mereka, tetapi juga kepada tanaman dan sebagainya yang mana sangat perlu diperlindungi daripada bencana-bencana alam dan sebagainya yang boleh mendatangkan kerugian yang tidak disangka-sangka kepada mereka.

22. Saya yakin dengan pimpinan yang tegas, ketabahan dan pengurusan yang cekap, Bank ini akan maju terus untuk menghadapi zaman baru yang lebih gemilang. Bank Rakyat yang pada awalnya mempunyai kekuatan di luarbandar, telah dapat membuktikan kemampuannya memasuki perniagaan di bandar. Inilah satu aspek perkembangan yang membanggakan.

23. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya meresmikan Mesyuarat Agung Bank Rakyat Yang Ke-18. Semoga ia lebih berjaya lagi.

Terimakasih.





No. Siri	584
No. Penerimaan	94/79